

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, February 15, 2017 4:33 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin
Subject: HEP ONLINE: PERISIAN POWERPOINT BERINFO GRAFIK DIHASILKAN UNTUK TABUNG RAMADAN



15 FEBRUARI 2017, RABU | 18 JAMADILAWAL 1438H



HEP ONLINE: Taqiuddin Hamzah 26, pelajar semester empat Program Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian (BIFB) Universiti Utara Malaysia (UUM) menghasilkan lebih 83 rekabentuk powerpoint untuk dijual bagi mengisi Tabung Ramadan.

Perisian yang dihasilkan dengan pelbagai bentuk yang boleh dipilih berdasarkan mengikut kesesuaian tajuk pastinya akan kelihatan menarik bagi mereka yang melihatnya.

Taqiuddin yang aktif dalam Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia (Maskum) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) universiti ini berkata, penyediaan perisian yang mengabungkan grafik, ikon, warna, lakaran, rajah, jadual, graf, tulisan dan pelbagai lagi dibina bagi memudahkan mahasiswa UUM khususnya dan mereka yang berminat untuk menggunakannya.

Idea pembinaan perisian yang menjurus kepada jualan hasil perisian ini diharap dapat membantu mereka yang memerlukan sambil memberi faedah kepada mahasiswa untuk menghasilkan powerpoint secara cepat, mudah dan menarik.

Katanya, sumbangan yang diterima hasil jualan perisian ini pastinya lebih mengembirakan sekiranya dapat membantu mereka yang memerlukan dan dalam masa yang sama membantu rakan mahasiswa dalam menyiapkan tugas dengan lebih cepat dan interaktif.

‘Saya melihat walaupun hasil jualan perisian itu untuk disumbangkan kepada mereka yang memerlukan tetapi berbangga kerana dapat membantu rakan mahasiswa menggunakan perisian hasil ciptaan saya,’ujarnya lagi.

Rekabentuk pengisian powerpoint ini juga telah digunakan semasa Karnival Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT) di Rajamangala University Of Technology Srivijaya (RMSTUV) Songkhla Thailand.

Mereka yang mendapatkan perisian yang menarik ini sambil menderma untuk tabung kemanusiaan boleh menghubungi talian 010-3699901.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



t permitted by law.